

Kajian Terhadap Impak Pelaksanaan Amalan 5S di Kalangan Staf Politeknik Merlimau Melaka

NORMAH BINTI JANTAN
ZURAINI BINTI ZAINAL ABIDIN

POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

ABSTRAK

Politeknik Merlimau Melaka (PMM) merupakan salah sebuah Institusi Pengajian Tinggi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi yang sedang berkembang dan kini merupakan politeknik pertama yang diberi pensijilan Persekitaran Berkualiti (Quality Enviroment (QE) oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). Pengamalan Persekitaran Kualiti atau lebih dikenali dengan nama 5S(mengikut kaizen Jepun) iaitu Sisih, Susun, Sapu, Seragam dan Sentiasa Amal.

Amalan 5S ini merupakan satu program peningkatan kualiti pengurusan sesebuah organisasi yang dilaksanakan secara berterusan. Rentetan itu, kajian ini di jalankan untuk Melihat Impak Pelaksanaan Amalan 5S di Kalangan Staf Politeknik Merlimau Melaka. Kajian ini di jalankan di kampus Politeknik Merlimau Melaka. Seramai 167 orang responden yang terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada pensyarah dan staf sokongan. Data dikumpul menggunakan instrumen soal selidik dan di analisis secara kuantitatif dengan menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS)* versi 12.0 dan dipersembahkan dalam bentuk statistik deskriptif seperti peratusan, kekerapan dan min. Hasil kajian menunjukkan responden memberikan persepsi yang positif terhadap persoalan kajian dan lebih 90 peratus responden bersetuju selepas amalan 5S dilaksanakan di PMM persekitaran tempat kerja, prosedur serta peraturan kerja menjadi lebih baik. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa impak positif staf PMM melaksanakan amalan 5S adalah berada di tahap yang tinggi. Amalan 5S telah berjaya menanam dan meningkatkan nilai-nilai positif di dalam diri staf PMM seperti bertanggungjawab, kreatif dan inovatif, berdisiplin, kerja berpasukan, bangga dengan jabatan dan sayang kepada jabatan. Di samping itu, beberapa cadangan telah dikemukakan bagi memantapkan lagi sistem penyampaian melalui pelaksanaan amalan 5S di PMM. Keseluruhannya, amalan 5S ini wajar dilaksanakan dengan penuh komitmen dari semua pihak.

OBJEKTIF KAJIAN

- i) Melihat perspektif staf PMM sebelum dan selepas amalan 5S dari aspek persekitaran tempat kerja, prosedur dan peraturan kerja.
- ii) Melihat impak dari pelaksanaan amalan 5S kepada staf Politeknik Merlimau.

PERSOALAN KAJIAN

- i) Apakah perspektif staf PMM sebelum dan selepas amalan 5S dari aspek persekitaran tempat kerja, prosedur dan peraturan kerja.
- ii) Apakah impak dari pelaksanaan amalan 5S kepada staf Politeknik Merlimau.

SKOP KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini hanya kepada staf Politeknik Merlimau, dan sebanyak 6 jabatan akademik serta 8 unit sokongan yang terdiri dari Jabatan Kejuruteraan Awam, Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti, Jabatan Matematik, Sains & Komputer dan Jabatan Pengajian Am, Unit Latihan & Pendidikan Lanjutan, Unit Pusat Sumber, Unit Multimedia Dan Sumber, Unit Peperiksaan, Unit Bimbingan & Kaunseling, Unit Pembangunan & Penyelenggaraan, Unit Teknologi Maklumat dan Unit Khidmat Pengurusan terlibat dalam kajian ini.

SOROTAN KAJIAN

Amalan 5S Di Politeknik Merlimau

Amalan 5S pada asalnya merupakan amalan pengurusan yang dilaksanakan dalam sektor swasta seperti syarikat dan kilang di negara Jepun. Sejak tahun 1986 idea pengurusan pejabat daripada negara matahari terbit ini telah tersebar ke seluruh dunia termasuklah negara Malaysia melalui Dasar Pandang ke Timur. Daripada perkataan Jepun ianya telah disesuaikan pula dengan patah perkataan dalam Bahasa Malaysia iaitu Sisih (Seiri), Susun (Seiton), Sapu (Seiso), Seragam (Seiketsu) dan Sentiasa Amal (Shitsuke). Kaedah Amalan 5S adalah menjadi salah satu pendekatan terbaik bagi mengubah persekitaran pejabat menjadi kemas, teratur dan kondusif yang berjaya dilaksanakan oleh Politeknik Merlimau Melaka.

Pelaksanaan Amalan 5S yang menyumbang kepada persekitaran berkualiti ini juga dapat melahirkan warga PMM yang bermotivasi, kreatif, inovatif dan berdaya saing untuk mencapai kecemerlangan. Amalan ini bertujuan mempertingkatkan perkhidmatan yang cekap dan berkualiti serta menjamin keselamatan dokumen, rekod individu dan peralatan secara berterusan. PMM merupakan Politeknik pertama di Malaysia yang telah mendapat Sijil Amalan 5S dari MPC (*Malaysia Productivity Corporation*). Pelaksanaan Amalan 5S di PMM bermula pada tahun 2008 dan memperolehi Pensijilan Persekitaran Berkualiti pada 30 Mac 2009.

Prinsip Amalan 5S

Sisih (Seiri):

Menyisih dan melupuskan (membuang) barang yang tidak perlu di tempat kerja

Sisih merupakan satu proses kerja mengasing barangan yang diperlukan dan tidak diperlukan daripada sekumpulan barangan di tempat kerja. Proses

pengasingan inimembantu dalam menentukan barangan yang diperlukan pada masa sekarang atau masa hadapan dan perlu disimpan di tempat penyimpanan yang ditetapkan. Barangan yang tidak diperlukan akan dilupuskan.

Susun (Seiton):

Menyusun dan menyimpan barang dengan kemas, mudah diambil dan disimpan semula di tempatnya

Menyusun dan melabel dilakukan setelah kesemua barangan yang tidak perlu diasingkan. Susunan barangan dilakukan mengikut kumpulan yang sama.

Sapu (Seiso):

Mencuci atau membersihkan tempat kerja dengan rapi supaya tiada habuk, kotoran di atas lantai, mesin, peralatan dan persekitaran tempat kerja.

Persekitaran yang bersih diperlukan oleh semua peringkat pekerja untuk merasa selesa dan ceria apabila bekerja. Selain meningkatkan kecekapan kerja, menyapu juga boleh mempertingkatkan tahap keselamatan di tempat kerja dan peralatan yang digunakan. Tujuan menyapu untuk menghilangkan habuk atau kekotoran yang melekat di lantai, mesin di tempat kerja atau barang-barang yang telah disisih dan disusun. Satu senarai semak hendaklah diletakkan untuk menjadi panduan kepada pekerja tentang apa yang harus dilakukan pada masa akan datang dalam aktiviti ini.

Sentiasa Amalkan (Shitsuke):

Melatih pekerja berdisiplin untuk mengamalkan sistem Amalan 5S secara berterusan supaya menjadi tabiat dan budaya kerja berkualiti dalam organisasi.


Budaya kerja cemerlang dapat dibangunkan dengan mematuhi panduan dan piawaian yang telah ditentukan. Setiap pekerja perlu faham, patuh, berusaha dan mengamalkan penjagaan kebersihan organisasi serta tempat kerja. Amalan kebersihan ini dapat disemai dalam diri individu dengan memberi tunjuk ajar menerusi program latihan secara berkala.

Seragam (Seiketsu):

Mematuhi piawaian persekitaran berkualiti di tempat kerja bagi memastikannya bersih dan teratur sepanjang masa.

Seragam hanya dapat dilakukan setelah aktiviti sisih, susun, dan sapu telah disempurnakan. Seragam atau mengekalkan kebersihan tempat kerja pada tahap asal adalah penting supaya segala usaha yang dilakukan dalam tiga aktiviti terdahulu tidak menjadi sia-sia. Aktiviti yang dilakukan sendiri oleh setiap pekerja akan menyemai sifat kekitaan dan cintakan kebersihan di tempat kerja. Panduan diperlukan untuk dipatuhi oleh pekerja bagi menjamin kualiti dan piawaian yang telah ditentukan. Antaranya ialah Standard Operation Procedure (SOP), Work Instruction (WI), Guidebook, Carta Alir (Process Flow), gambar atau contoh fizikal dan Sistem Visual yang jelas.

METODOLOGI KAJIAN



PERSAMPELAN

- ❑ Kajian ini melibatkan staf PMM yang berkhidmat di Politeknik Merlimau.
- ❑ Mengikut rekod, terdapat 515 orang staf yang sedang berkhidmat di Politeknik Merlimau.
- ❑ Bilangan responden terpaksa dikurangkan kerana terdapat staf yang bercuti dan menjalankan tugas rasmi di luar semasa soal selidik di edarkan.
- ❑ Sebanyak 167 orang staf daripada 515 orang staf telah dipilih sebagai responden dalam kajian ini.

INSTRUMEN

Borang Soal Selidik - Terbahagi kepada tiga bahagian iaitu:-

Bahagian A - Data demografi menjurus kepada latar belakang responden

Bahagian B - Perspektif staf PMM sebelum dan selepas amalan 5S

Bahagian C - Impak Pelaksanaan Amalan 5S di PMM

DAPATAN KAJIAN

Objektif 1: Perspektif staf PMM sebelum dan selepas amalan 5S.

Bil	Item	Sebelum 5S			Selepas 5S		
		%	Mean	Std. Dev	%	Mean	Std. Dev
1.	Sistem Pemfailan tersusun	56.3	1.5	.610	94.0	.98	.244
2.	Ruang kerja adalah kondusif	46.1	1.38	.636	92.2	.99	.280
3.	Penggunaan alatan adalah mudah	49.1	1.4	.658	92.8	.99	.269
4.	Peralatan mempunyai standard Operating Procedure (SOP)	65.9	1.58	.634	90.4	.99	.310
5.	Persekitaran Organisasi ceria	49.1	1.40	.658	89.8	1.01	.320
6.	Keadaan tandas adalah memuaskan	47.3	1.4	.630	85.6	1.04	.379
7.	Pantry berkeadaan bersih dan kemas	50.9	1.43	.644	90.4	1.01	.310
8.	Penyimpanan di stor adalah teratur	58.7	1.51	.639	86.2	1.05	.368

Berdasarkan analisis kajian ini, secara keseluruhannya tahap pengetahuan staf PMM terhadap amalan 5S adalah berada pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa walaupun ada sebilangan staf PMM yang tidak menghadiri kursus amalan 5S, mereka mempunyai pengetahuan sedia ada tentang amalan 5S dan memberi perspektif yang positif sebelum dan selepas amalan 5S dilaksanakan di Politeknik Merlimau. Dengan pengetahuan tersebut, perspektif staf terhadap amalan 5S adalah positif dan bersetuju amalan ini telah dapat menyediakan persekitaran tempat kerja, prosedur serta peraturan kerja yang baik.

Ini merupakan petunjuk awal yang positif ke arah kemajuan dan kejayaan amalan 5S di PMM. Hasil kajian telah membuktikan bahawa walaupun pada awal pelaksanaan amalan 5S ini ada pihak yang membangkitkan isu-isu tertentu yang cuba untuk menidakkan kejayaan amalan ini, namun pada hakikatnya amalan ini sedang meniti ke arah kejayaannya yang tersendiri. Jika dilihat dari segi kesan positifnya pelaksanaan amalan 5S ini memberi keseronokan berkerja kepada staf PMM

berdasarkan kepada jawapan responden yang bersetuju selepas amalan 5S dilaksanakan ia memberi perspektif yang baik terhadap persekitaran tempat kerja, prosedur dan peraturan kerja.

Responden bersetuju mereka mempunyai kaedah penyimpanan /penyusunan barang/fail peribadi yang sistematik selepas amalan 5S. Hasil analisis mendapati staf PMM bersetuju bahawa selepas amalan 5S tahap persekitaran PMM berada di tahap yang tinggi. Oleh yang demikian, amalan 5S di PMM telah berjaya dilaksanakan dan menjadikan persekitaran Politeknik Merlimau lebih kondusif, berkualiti, selesa, ceria, menarik dan selamat. Ini akan memberi dorongan kepada staf Politeknik Merlimau merasa lebih seronok dan bersemangat untuk bekerja.

Tahap kesediaan staf PMM melaksanakan amalan 5S dari aspek kemudahan juga berada di tahap yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa penggunaan peralatan dan kemudahan di PMM adalah cekap dan dilengkapi dengan standard Operating Procedure (SOP) yang bersesuaian. Semua peralatan di makmal/bengkel dilengkapi dengan SOP dan mempunyai staf yang bertanggung-jawab (process Owner) ke atas peralatan dan ruang tersebut. Semua kawasan dan tempat merbahaya mempunyai papan tanda keselamatan. Ini bermakna, semua tempat dan peralatan yang merbahaya dilabelkan dengan tanda keselamatan. Papan tanda/Peraturan keselamatan adalah merupakan faktor penting yang perlu diamalkan oleh individu yang berada di dalam makmal/bengkel kerana ia boleh mengakibatkan kemalangan dan kecederaan yang serius (Ezra Loganathan Muniandi, 2008). Analisis yang diperolehi menunjukkan ruang dan persekitaran kerja di PMM adalah kondusif. Oleh yang demikian, pelaksanaan 5S adalah perlu supaya penggunaan ruang dapat di gunakan dengan sebaiknya. Mengoptimumkan penggunaan ruang kerja dengan pengurusan persekitaran yang berkualiti dapat meningkatkan produktiviti (JPN, 2009).

Dalam aspek persekitaran umum seperti tandas dan pantri, responden bersetuju setelah amalan 5S dilaksanakan dua item tersebut telah menjadi bertambah baik berbanding sebelum amalan 5S dipraktikan, kedua-dua tempat umum ini dapat mencerminkan keperibadian dan sikap staf PMM yang menitikberatkan kebersihan dan keselesaan. Selain itu juga responden bersetuju selepas amalan 5S penyimpanan barang-barang di stor menjadi lebih teratur dan sistematik. Ini bermakna alat tulis/bahan P&P/alat ganti mudah diperolehi kerana mempunyai stok yang mencukupi disebabkan mempunyai paras minimum yang ditetapkan dan akan ditambah jika didapati berkurangan dari paras yang ditetapkan. Ini bermakna stor alatan sentiasa mempunyai stok yang mencukupi dan pencapaian kepada alatan tersebut mengikut konsep FIFO (*First In First Out*) akan lebih mudah dilaksanakan. Sekiranya tiada paras minima ditetapkan akan berlaku situasi kekurangan stok, ia akan memberi kesan negatif terhadap kelancaran pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran mahupun tugas seharian.

Objektif 2: Kesan/Impak melaksanakan amalan 5S kepada staf PMM.

Bil	Item	Bersetuju (Peratus)	Mean	Std. Deviation
1.	Aktiviti yang dijalankan membantu pelaksanaan 5S	95.8	1.03	.203
2.	Promosi tentang 5S sekarang adalah mencukupi	56.3	1.41	.518
3.	Produktiviti meningkat	78.4	1.19	.424
4.	Kualiti kerja yang tinggi	76.6	1.21	.437
5.	Kos yang berkurangan	32.3	1.66	.486
6.	Sistem penyampaian adalah cekap dan berkesan	67.1	1.29	.495
7.	Rasa selamat ketika berada di PMM	89.8	1.05	.315
8.	Semangat untuk bekerja lebih meningkat	81.4	1.14	.409

Berdasarkan analisis kajian ini, secara keseluruhannya impak positif dari melaksanakan amalan 5S kepada staf Politeknik Merlimau berada pada tahap tinggi. Analisis data yang telah dibuat adalah berasaskan kepada dua persoalan kajian yang telah diutarakan di peringkat awal kajian ini. Secara amnya, amalan 5S ini telah mendapat sokongan daripada pelbagai pihak termasuk pengurusan atasan dan komitmen semua staf telah memberi keyakinan kepada pihak pengurusan politeknik bahawa pensijilan amalan persekitaran berkualiti ini perlu dikekalkan dan penambahbaikan kepada program ini perlu dipertingkatkan lagi.

Secara tidak langsung, semua staf PMM akan memberikan komitmen dan kerjasama terhadap sebarang aktiviti yang dijalankan terutamanya dalam pengekalan pensijilan 5S ini. Kejayaan membudayakan program 5S hingga ke akarnya memerlukan iltizam dan komitmen yang tinggi dari semua peringkat pengurusan (Yayasan Islam Kelantan, 2010).

Responden bersetuju bahawa amalan 5S dapat meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja dalam organisasi. Kenyataan tersebut telah dibuktikan dalam kajian Muhamad Nazi Bin Hussin (2006) yang telah mengkaji tentang pelaksanaan amalan 5S dalam sistem pengurusan kualiti di Politeknik Universiti Teknologi Tun Hussein Onn di mana, beliau mendapati bahawa pelaksanaan amalan 5S ini, jika diberi tumpuan, ia secara tidak langsung akan meningkatkan prestasi kerja.

Responden bersetuju bahawa amalan 5S ini akan dapat mendisiplinkan staf di dalam semua aspek. Menurut JPA 2009, semua pekerja akan lebih berdisiplin dan beretika untuk menghasilkan prestasi kerja yang baik. Selain daripada itu amalan ini akan dapat menyuburkan sikap tanggungjawab menjaga kebersihan serta keceriaan persekitaran.

Kerja-kerja pembersihan di PMM bukan sahaja dilakukan oleh pekerja pembersihan sahaja tetapi semua staf PMM berperanan dalam membersihkan dan menceriakan persekitaran Politeknik. Secara tidak langsung melalui

pelaksanaan 5S ini, akan dapat memupuk semangat kerjasama di kalangan staf supaya bersama-sama menjaga kebersihan menerusi program gotong royong. Menurut Tuan Haji Abang Mohd Shibli Bin Haji Abang Mohd Nailie (2005), pelaksanaan 5S ini mengkehendaki semua anggota organisasi terlibat sama serta bertanggungjawab dalam memastikan etika pelaksanaannya diikuti.

Dalam aspek kos, responden bersetuju pada tahap yang rendah kerana mereka tidak dapat melihat dari amalan 5S ini dapat menjimatkan kos dan mengurangkan pembaziran. Sebagai contoh jika jabatan atau unit mempunyai lebih barang yang tidak digunakan akan menyebabkan berlakunya pembaziran dan merugikan organisasi. Politeknik Merlimau mempraktikan melalui amalan sisih, jika ada lebih barang atau tidak ingin digunakan lagi tetapi masih dalam keadaan yang baik, penawaran akan dibuat kepada jabatan atau unit yang memerlukan. Dengan itu, pelaksanaan 5S secara secara berterusan ini akan dapat menghasilkan penjimatan, pengurangan dan mengelakkan pembaziran (JPA, 2009).

Responden juga bersetuju promosi amalan 5S dan sistem penyampaian pada tahap yang sederhana, Unit Promosi 5S perlu membuat hebahan atau maklumat 5S perlu disampaikan kepada semua warga PMM melalui saluran-saluran komunikasi yang bersesuaian seperti email, website, memo, telefon, paging system dan lain-lain. Kaedah-kaedah komunikasi ini juga dapat membantu sistem penyampaian dengan lebih cekap dan berkesan. Untuk menggalakan semua staf PMM mengambil bahagian dan memberi komitmen berterusan kepada amalan 5S, ganjaran dan hadiah-hadiah menarik boleh disediakan dengan menyediakan pelbagai pertandingan dan inovasi amalan 5S.

Sebagai kesimpulan dari dapatan kajian, Impak pelaksanaan Amalan 5S di PMM ini dapat dipecahkan kepada 4 kategori utama iaitu:

i) Persekitaran kondusif, berkualiti dan selamat. Amalan 5S telah menjadikan persekitaran pejabat yang lebih kondusif, selesa, ceria dan menarik. Ini maka akan memberi dorongan kepada staf PMM merasa lebih seronok dan bersemangat untuk bekerja. Di samping itu, pelanggan dan pelawat yang berurusan di jabatan akan merasa selesa dan tenang apabila berada di pejabat. Amalan 5S juga telah menjadikan persekitaran pejabat yang lebih berkualiti dan selamat untuk staf PMM serta pelanggan. Ini berlaku apabila semua peralatan serta mesin berada di tempatnya, tersusun dan teratur di samping penyelenggaraan peralatan yang berkaitan keselamatan diselenggara dengan berjadual.

ii) Mempercepatkan tugas. Peningkatan kualiti kerja ini merangkumi semua aspek kerja staf PMM terutamanya dalam mencapai sesuatu fail dan peralatan. Pengurangan masa capaian ini telah berjaya meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja staf PMM dan jabatan terutama dalam aspek pengurusan fail/doket dan capaian peralatan/alat tulis. Dengan menggunakan konsep di dalam Amalan 5S iaitu Seisi (Susun), pengurusan fail dan doket adalah lebih cekap, sistematik dan selamat.

iii) Mengurangkan pembaziran. Amalan 5S yang telah dilaksanakan berjaya mengurangkan banyak pembaziran dalam jabatan seperti mengurangkan

pembaziran masa dan mengurangkan pembaziran wang Jabatan dengan melaksanakan Amalan 5S pada Sistem Pengurusan Fail Jabatan. Ianya juga dapat mengurangkan pembaziran masa mencari dan kos penggantian fail/alat tulis/peralatan yang tidak dapat dikesan atau hilang.

iv) Staf PMM berkualiti, kreatif dan cemerlang. Kesan-kesan sebelum ini iaitu persekitaran kondusif, berkualiti dan selamat, mempercepatkan tugas dan mengurangkan pembaziran turut memberi kesan besar kepada staf PMM. Amalan 5S telah berjaya menanam dan meningkatkan nilai-nilai positif di dalam diri staf PMM seperti bertanggungjawab, kreatif dan inovatif, berdisiplin, kerja berpasukan, bangga dengan jabatan dan sayang kepada jabatan. Ini adalah kerana Amalan 5S melibatkan semua staf PMM dan amalan ini sentiasa perlu diamalkan.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

- i) Mengadakan kursus/latihan kepada kumpulan-kumpulan yang terlibat serta staf-staf baru bagi membolehkan seluruh staf PMM tahu apa peranan yang harus mereka laksanakan dalam amalan 5S.
- ii) Pihak pengurusan atasan perlu memberi sokongan dan komitmen terhadap pelaksanaan 5S supaya memberi kesan yang lebih berpanjangan.
- iii) Menggunakan hasil kajian ini untuk menambahbaik unit promosi 5S dengan mempelbagaikan kaedah komunikasi serta membina idea kreatif melalui pertandingan inovasi.
- iv) Mewujudkan sistem pengiktirafan yang menawarkan ganjaran pada setiap pasukan yang berjaya dalam pelbagai kategori pertandingan yang dianjurkan sebagai motivasi kepada staf.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

- i) Membuat kajian untuk melihat peningkatan kualiti dan produktiviti kerja setelah pelaksanaan amalan 5S di PMM.
- ii) Membuat kajian untuk melihat keberkesanan dan impak pelaksanaan amalan 5S di PMM dari aspek pengajaran dan pembelajaran.
- iii) Membuat kajian untuk melihat penghasilan inovasi serta idea kreatif melalui pertandingan-pertandingan amalan 5S di Politeknik Merlimau.
- iv) Membuat kajian untuk melihat peningkatan berkualiti Sistem Penyampaian melalui amalan 5S.

KESIMPULAN

Amalan 5S adalah satu pendekatan terbaik bagi mengubah persekitaran sesebuah organisasi. Oleh yang demikian, tindakan untuk mengekalkan amalan 5S di PMM adalah perlu bagi mencapai kecermerlangan yang berterusan. Dapatan ini seharusnya diberi perhatian dan diambil maklumbalas oleh pihak yang terlibat untuk membuat tindakan yang sewajarnya dan pihak pengurusan atasan mungkin boleh merancang aktiviti pelaksanaan amalan 5S ini di laksanakan secara lebih menarik dan menyeluruh. Selain itu, dapatan daripada hasil kajian ini menunjukkan staf PMM telah bersedia untuk mengekalkan pensijilan amalan 5S kerana mereka sedar bahawa amalan ini merupakan teras kepada peningkatan kualiti.

Pelaksanaan Amalan 5S telah memberi impak yang besar kepada jabatan dan staf PMM. Amalan 5S bukan sahaja memberi kesan kepada persekitaran pejabat tetapi juga kepada aspek kualiti yang lain seperti kualiti kerja dan kualiti peribadi staf PMM.

Kualiti ini tidak mustahil dicapai oleh sesuatu organisasi jika semua staf menjiwai kepentingannya dan berusaha bersama-sama dalam mencapai matlamat yang satu. Staf PMM juga harus sedar usaha ke arah peningkatan kualiti bukanlah merupakan satu perjalanan yang ada permulaan dan akhirnya. Kualiti memerlukan satu proses perubahan yang berterusan selagi sesuatu organisai itu beroperasi dan berusaha untuk memenuhi kehendak pelanggannya.